

Headline	Jualan kuih raya kelolaan FAMA cecah RM600.000		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	12 Jun 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	8,443
Page No	31	Readership	25,329
Language	Malay	ArticleSize	367 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,460
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,380



Jualan kuih raya kelolaan FAMA cecah RM600,000

PERMATANG PAUH 11 Jun - Nilai jualan produk kuih raya yang dipasarkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri di sekitar Pulau Pinang tahun ini dianggarkan mencecah RM600,000.

Pengerusi Jawatankuasa Focus Group Pembangunan Usahawan Bumiputera negeri, Datuk Muhamad Farid Saad berkata, sasaran itu adalah lebih tinggi berbanding tahun lalu berdasarkan maklum balas positif yang diterima terhadap produk berkenaan.

Menurut beliau, pada tahun lepas, nilai jualan kuih raya yang dipasarkan FAMA dianggarkan sebanyak RM500,000.

"Pada tahun ini, terdapat 135 usahawan terlibat menghasilkan sebanyak 675 jenis kuih dan bis-



Pada tahun ini, terdapat 135 usahawan yang terlibat menghasilkan sebanyak 675 jenis kuih dan biskut yang mendapat sambutan menggalakkan."

MUHAMAD FARID SAAD
Pengerusi Jawatankuasa Focus Group Pembangunan Usahawan Bumiputera Pulau Pinang

kut yang mendapat sambutan menggalakkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmi-

kan Agro Bazar Aidilfitri FAMA di pusat beli-belah Sunway Carnival, di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Muhamad Farid berkata, tahun ini FAMA turut melakukan pendekatan baharu dalam memasarkan produk usahawannya dengan membuka bazar di dalam kompleks beli-belah kerana menjadi tumpuan orang ramai untuk berbelanja.

"Selain di Sunway Carnival Mall, produk berkenaan juga boleh didapati di 15 lagi Agrobaazar K-Shoppe di seluruh negeri.

"Tahun ini adalah tahun kelima FAMA negeri membuat promosi raya dan program ini semakin mendapat permintaan menggalakkan daripada pengguna dan merupakan perkembangan yang baik," katanya.

Headline	Jualan kuih raya kelolaan FAMA cecah RM600.000		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	12 Jun 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	8,443
Page No	31	Readership	25,329
Language	Malay	ArticleSize	367 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,460
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,380



MUHAMAD FARID SAAD (tiga dari kanan) bersama-sama kakitangan FAMA dan penerima bantuan menunjukkan isyarat 'bagus' dalam majlis pelancaran Agro Bazar Aidilfitri FAMA 2017 di Sunway Karnival, Seberang Jaya, Pulau Pinang, baru-baru ini. - UTUSAN/SAZALI CHE DIN.